

Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali

Elements of Higher Order Thinking Skills (HOTS) In Teachers Practice in Teaching Islamic Education According to Imam Ghazali

Mohd Syaubari Bin Othman¹ & Ahmad Yunus Bin Kassim²

ABSTRAK

Objektif utama kajian ialah mengkaji berkaitan amalan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menurut perspektif Imam Ghazali. Kajian ini memperincikan setiap pendekatan yang terdapat di dalam tulisan dan pentafsiran oleh Imam Ghazali serta perkaitannya dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kajian ini berbentuk penyelidikan keperpustakaan dan bersifat kualitatif. Metodologi pengumpulan data menggunakan karya Imam Ghazali seperti *Ihya Ulumudin*, *Ayuha Walad* dan *Minhaj Abidin* sebagai sumber primer dan sekunder serta proses penganalisisan data menggunakan metod analisis isi kandungan yang mempunyai kesamaan sinonim atau terangkum di dalam maksud amalan pengajaran guru berteraskan elemen pemikiran aras tinggi (KBAT). Dapatan kajian menghasilkan tiga kerangka utama menurut persepektif Imam Ghazali di dalam amalan pengajaran guru berteraskan elemen KBAT. Kerangka pertama, kafahaman mengenai konsep ilmu dan kerangka kedua adalah proses bagaimana pengajaran dilaksanakan serta kerangka ketiga adalah nilai di dalam pengajaran. Kesepaduan di antara ketiga-tiga kerangka ini membentuk penghasilan pengamalan guru yang mempunyai asas elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Secara keseluruhan amalan pengajaran guru seharusnya menitikberatkan asas yang dibentuk daripada penelitian kitab suci *al-Quran* bagi memastikan pelaksanaan, penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menepati kehendak yang ditetapkan oleh Allah swt serta menepati konsep pemikiran aras tinggi (KBAT) yang diperincikan oleh Imam Ghazali.

Kata kunci : KBAT, Amalan Pengajaran Guru, Imam Ghazali

ABSTRACT

The main objective of the study is to review relevant practices based teaching higher-order thinking skills (HOTS) according to Imam Ghazali perspective. This study detailing the approach contained in the writing and interpretation by Imam Ghazali and its relationship with the concept of higher order thinking skills (HOTS). This study is a research librarian and qualitative nature. Data collection methodologies used by Imam Ghazali book especially *Ihya Ulumudin*, *Ayuhal Walad* and *Minhaj Abidin* as primary and secondary sources. The process of analyzing data using content analysis methods that have the same

¹ syaubari@gmail.com, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

² Yunus@fsk.upsu.edu.my, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

with the purpose of teaching practice based on higher-order thinking element (HOTS). The findings resulted in three main frame according to Imam Ghazali perspective in teaching practices based KBAT element. The first framework, knowledge and understanding of the concept of the second frame is executed and the process of how the teaching of the third frame is value in teaching. The unity between the three forms of income framework practicing teachers who have basic elements of higher order thinking skills (HOTS). Overall, teachers should focus on teaching practices that formed the basis of the study of the Al-Quran to ensure delivery, and practice by the student meets the requirements prescribed by Allah swt and to the concept of higher-order thinking (HOTS) set up by Imam Ghazali.

Keywords : HOTS, Imam Ghazali, Teaching Practice.

Pendahuluan

Pelaksanaan amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan pendekatan pengajaran yang menjadi tumpuan perbincangan di dalam era pendidikan abad ke 21. Pembentukan falsafah, kurikulum, kaedah dan sebagainya telah diperincikan di dalam menghasilkan konstruk yang bertepatan dengan kehendak manusia untuk menggunakan pemikiran aras tinggi (KBAT). Kesemua idea-idea ini dirangkumkan kepada satu teori yang di asaskan oleh Benjamin Samuel Bloom iaitu seorang professor yang bertanggungjawab merangka pemetaan bagaimana manusia perlu mencapai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Anderson, L., Krathwohl, D., Airasian, 2001). Namun menerusi kajian ini, perspektif yang berbeza diperbahaskan dalam konteks ilmunan Islam iaitu Imam Ghazali di dalam memperhuraikan bagaimana yang dikatakan amalan pengajaran guru bersandarkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Walaupun secara eksplisitnya, Imam Ghazali tidak membicarakan elemen KBAT secara terperinci di dalam tulisannya, namun secara falsafahnya kewujudan elemen KBAT terdapat di dalam setiap penulisannya berkaitan isu pendidikan seperti di dalam kitab *Ihya Ulumuddin* dan *Ayyuha Walad*. Namun berdasarkan penelitian menerusi kajian-kajian terdahulu, terdapat yang menyatakan Imam Ghazali membicarakan KBAT adalah bersandarkan kepada kesamaan dan perhubungan dengan takrifan KBAT yang diasaskan oleh ilmunan barat (Muhammad Jamaluddin, 2011). Selain itu, pembicaraan Imam Ghazali ini juga di sandarkan kepada takrifan yang diperkenalkan al-Quran berkaitan ayat-ayat yang membicarakan berkaitan penggunaan akal secara optimum. Maka daripada keseluruhan kesepaduan ini akan membentuk suatu kerangka kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menurut panduan Islam yang dibentuk oleh Imam Ghazali.

Sejarah Kehidupan Imam Ghazali

Di Barat, Imam Ghazali dikenali sebagai '*Algazel*'. Nama sebenar beliau adalah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Shafi'e. Beliau dilahirkan di Thus (berdekatan Khurasan) di Parsi pada tahun 450 Hijrah atau 1058 Masihi. Imam Ghazali dilahirkan daripada keluarga yang sederhana. Bapanya meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Sebelum bapanya meninggal dunia, bapanya telah mewasiatkan kepada sahabatnya yang merupakan ahli sufi untuk mendidik anaknya dengan pengetahuan agama. Ahli Sufi ini memelihara Imam Ghazali sehingga berumur

tujuh tahun. Ilmu pertama yang telah beliau pelajari ketika masih kecil ialah Ilmu Fiqh daripada Syeikh Ahmad bin Muhammad Ar-Radzani (Zakaria, 2001; Abd Salam, 2010).

Kemudian, Imam Ghazali melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu mendalam ilmu fiqh dan peringkat seterusnya ke Jurjan, lebih kurang 160 km dari Thus. Beliau berguru dengan seorang guru fiqh yang bernama Abu Nasr Isma'ili. Beliau menetap di kota Jurjan selama 5 tahun dan kembali ke tempat kelahirannya semula untuk menyebarkan ilmu terutamanya berkaitan masalah-masalah fiqh. Selepas tiga tahun Imam Ghazali telah pergi ke Nisyapur untuk melanjutkan pelajarannya di madrasah Nizamiyyah yang dipimpin oleh ulama Mazhab Syafie, Imam Haramyn al-Juwayn. (Abd Salam, 2010 ; Hanif, 2012).

Ketokohnya sebagai seorang ulama besar mulai terserlah apabila menguasai kepelbagaian ilmu pengetahuan merangkumi ilmu mantik, falsafah dan fiqh mazhab Imam Syafie. Lima tahun kemudian, pada tahun 1085 Masihi, Imam al-Haramyn telah meninggal dunia dan Imam Ghazali berhijrah ke kampus Nizam al-Mulk serta dilantik menjadi hakim. Enam tahun kemudian, beliau ditawarkan jawatan sebagai guru besar di Pusat Madrasah Nizamiyyah di Baghdad (Deden, 2007; Hanif, 2012).

Ideologi yang dibawa oleh Imam Ghazali telah mendapat kritikan terutama daripada, ahli falsafah Sepanyol seperti Ibn Rusyd dengan kritikan di dalam buku Tahafut al-Tahafut. Kaum sufi dan ulama fiqh serta para ahli kalam, terutamanya *Mu'tazilah dan Asy'ariyyah* juga mengkritik Imam Ghazali. Pada tahun 1095M, semasa pertentangan pandangan memuncak terhadap Imam Al-Ghazali, beliau telah membuat keputusan menunaikan ibadat haji dan melepaskan jawatannya. Imam Ghazali telah mengembara selama lebih kurang 10 tahun dan semasa berada di Damsyik, beliau telah mengarang karyanya yang terbesar iaitu kitab *Ihya' 'Ulum Al-Din* (Deden, 2007; Abd Salam, 2010; Hanif, 2012).

Selepas sepuluh tahun berada di Damsyik, Imam Ghazali atas permintaan Perdana Menteri Fakhr Mulk telah kembali mengajar di Madrasah Nizamiyyah di Kota Nisyapur pada tahun 1104M. Pada tahun 1109M, beliau mengambil keputusan untuk kembali ke kampung halamannya dan mengadakan *khanaqah* (kumpulan sufi) serta meneruskan pengajarannya. Pada saat akhir kehidupannya, Imam Ghazali telah mengarang karya iaitu *Minhaj al-Abidin* dan akhirnya wafat di kota kelahirannya dalam bulan Disember 1111M (Zakaria, 2001; Abd Salam, 2010 ; Seri Hayati, 2010).

Pendefinisian dan Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Takrifan (KBAT) yang digunakan oleh ilmuan barat adalah bermaksud ciri-ciri perluasan pemikiran seseorang pelajar itu untuk mengintepretasi, menganalisis, atau pun memanipulasi sesuatu maklumat (Anderson 2001; Holyoak KJ et al, 2012), manakala pendefinisian yang digunakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermaksud keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2014).

Konsep Pelaksanaan KBAT menurut KPM di dalam bilik darjah memerlukan perubahan di dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran iaitu 1) Kurikulum yang dibentuk berdasarkan KBAT memerlukan ianya ditulis secara eksplisit di dalam dokumen kurikulum 2) Pedagogi dilaksanakan dengan pelbagai strategi PdP yang menerapkan KBAT seperti alat berfikir, soalan aras tinggi dan inkuiri 3) Pentaksiran yang dipelbagaikan menerusi soalan berbentuk aras tinggi (KBAT) dalam peperiksaan pusat dan penilaian yang dilakukan secara berterusan menerusi Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang melibatkan tiga aspek utama iaitu penilaian psikomotor, peperiksaan dan pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PAJSK) (KPM, 2014).

Permulaan kepada penstrukturan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini adalah pembentukan Taksonomi Bloom dan telah diperkenalkan menerusi buku yang bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals. Handbook I: Cognitive Domain* pada tahun 1956. Taksonomi Bloom berasal dari idea seorang profesor ulung daripada University of Chicago, Prof. Dr. Benjamin Samuel Bloom. Ia merangkumi enam kategori utama di dalam domain kognitif iaitu: pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Taksonomi ini bertujuan untuk menyediakan sistem pengelasan matlamat-matlamat pendidikan untuk membantu khususnya guru-guru, pentadbir, pakar-pakar profesional dan penyelidik untuk membincangkan masalah-masalah kurikulum dan penilaian di dalam bidang pendidikan dengan lebih jitu (Anderson, 2001; Azrai & Othman, 2015).

Namun terdapat beberapa pengubahsuaian melalui perubahan nama bagi setiap kategori-kategori ini yang dilaksanakan oleh satu pasukan diketuai oleh Lorin Anderson pada tahun 1990 melalui pernyataan bahawa berfikir adalah suatu proses aktif, maka keperluan menggunakan kata kerja adalah lebih tepat (Rosnani, 2012). Kategori *pengetahuan* telah ditukar nama kerana pengetahuan adalah hasil pemikiran. Oleh itu, ianya kurang sesuai dan telah digantikan dengan *mengingati*. Kefahaman menjadi memahami dan sintesis menjadi mencipta bagi menggambarkan ciri pemikiran yang diwakili setiap kategori. Menilai pula didapati kurang kompleks daripada mencipta justeru diletakkan pada kategori lebih rendah. (KPM, 2014 ; Azrai et al, 2015).

Pendekatan KBAT berdasarkan taksonomi ini telah menjadi asas yang utama di dalam kerangka pembentukan sistem pendidikan di dunia dan tidak terkecuali Malaysia yang mengadaptasikan taksonomi Bloom dan Anderson menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (KPM, 2014). Namun menerusi kajian ini, amalan KBAT di analisis daripada perspektif yang berbeza iaitu menerusi penelitian dan kajian yang mendalam hasil daripada penulisan yang dilakukan oleh Imam Ghazali menerusi *Ihya Ulumudin, Ayyuha Walad, Minhaj Abidin* dan di sokong penulisan oleh kajian-kajian ilmunan lain yang telah dilakukan terhadap kitab Imam Ghazali.

Menerusi kajian ini membuktikan bahawa ilmunan Islam mempunyai asas di dalam pembentukan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seiring dengan kerangka yang dibangunkan oleh ilmunan barat, malah pada elemen-elemen tertentu seperti penerapan nilai di dalam KBAT membuktikan bahawa Islam mengisi ruang kelompangan dan sememangnya terkehadapan dalam membicarakan KBAT cuma ianya tidak ditonjolkan sebagai satu tahap pemikiran yang berstruktur dan bertahap.

Perbahasan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan Amalan Pengajaran Guru menurut Imam Ghazali.

Imam Ghazali berpandangan bahawa pendidikan adalah suatu proses untuk mendekatkan diri kepada Allah dan kesempurnaan insan telah mengarahkan manusia untuk mencapai kesempurnaan hidup iaitu kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tujuan pendidikan menurut Imam Ghazali terbahagi kepada dua iaitu tujuan jangka panjang dan tujuan jangka pendek. Tujuan pendidikan jangka panjang ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah manakala tujuan pendidikan jangka pendek ialah untuk memenuhi keperluan hidup sesuai dengan bakat dan kemampuan manusia (Al-Ghazali, 2005 ; Seri Hayati, 2010).

Asas perbahasan Imam Ghazali mengenai konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah untuk mengisi ruang kekurangan yang dibina oleh ilmuan barat di dalam menterjemahkan keupayaan kognitif di kalangan pelajar. Elemen penguasaan ilmu dan kemahiran di dalam amalan pengajaran guru tidak mencukupi sekiranya ianya tidak disertakan dengan nilai dan keberabadian yang bersumberkan daripada al-Quran dan hadis (Hamid Fahmi, 2010; Hanif, 2012).

Asas kurikulum menurut Imam Ghazali, mempunyai dua perkara. Pertama, pengklasifikasian terhadap ilmu pengetahuan yang sangat terperinci dan segala aspek yang berkaitannya. Kedua, pemikiran tentang manusia berkaitan segala potensi yang dibawa sejak lahir. Oleh yang demikian, Imam Ghazali menerusi pemikirannya menyatakan kurikulum pendidikan harus disusun dan disampaikan kepada para pelajar bersesuaian dengan tahap pertumbuhan dan perkembangan psikologinya (Al-Ghazali, 2005; Abd Salam, 2010; Khadijah Abd Razak et al, 2011).

Penjelasan mengenai pendekatan oleh Imam Ghazali ini, dihuraikan berdasarkan kajian-kajian berasaskan kerangka analisis metodologi oleh Imam Ghazali menerusi pengajaran pendidikan. Ini bertepatan dengan matlamat kajian ini yang bermatlamat menganalisis asas pengajaran KBAT yang dilaksanakan di dalam sistem pendidikan Negara dari perspektif Imam Ghazali. Rangkuman keseluruhan diperjelaskan berdasarkan Rajah 1

Konsep Ilmu

Imam Ghazali menilai bahawa ilmu itu berperanan meletakkan seseorang yang mempelajarinya dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Proses itu memerlukan ilmu yang dipelajari berteraskan ilmu yang mendatangkan manfaat kepada orang yang mempelajarinya dan juga kepada masyarakat (Al-Ghazali, 2005; Khadijah&Tengku Norhayati, 2011). Penekanan Imam Ghazali terhadap ilmu akhirat ini tidak bererti ianya mengabaikan ilmu-ilmu yang diperlukan untuk kemaslahatan dunia atau ilmu-ilmu duniawi selagi ilmu-ilmu dunia ini menuju ke arah mencapai kebahagiaan akhirat, maka ilmu itu di anggap ilmu yang mendatangkan manfaat. Imam Ghazali berkata :

Agama tidak teratur kecuali dengan teraturnya dunia, karena sesungguhnya dunia itu adalah ladang akhirat. Dunia adalah alat yang menyampaikan kepada Allah 'Azza wa Jalla bagi orang yang mengambilnya (dunia) sebagai alat dan persinggahan, bukan bagi orang yang menjadikannya sebagai tempat menetap dan tanah air.(Al- Ghazali, 2005).

Pandangan Imam Ghazali tentang pendidikan meliputi pandangan berasaskan keutamaan ilmu dan pemilikan ilmu, pembahagian ilmu, etika belajar dan proses pengajaran. Imam Ghazali memulakan perbincangan tentang ilmu di dalam kitab *Ihya Ulumuddin* mengenai tentang keutamaan mereka yang memiliki ilmu pengetahuan (Al-Ghazali, 2005). Firman Allah surah *al-Mujadilah* ayat yang ke 11:

وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”

Berdasarkan pengkajian di dalam buku-buku penulisannya seperti *Ihya ulum al-Din*, Imam Ghazali melihat konteks ilmu berkaitan kepentingan spiritual di dalam pengajaran guru dan ini bertentangan dengan ilmuan barat yang hanya berorientasikan aspek keduniaan sahaja. Imam Ghazali memandang pendidikan sebagai suatu medium untuk mendekatkan diri kepada Allah dan untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Al-Ghazali, 2005; Hamid Fahmy, 2010).

Selain itu, pandangan Imam Ghazali, pada dasarnya, ilmu itu boleh diperolehi melalui akal yang merupakan nilai setiap insan. Pengertian akal ini menghasilkan dua makna iaitu jasmani yang lazimnya disebut sebagai otak dengan berperanan sebagai pengungkap segala jenis pengetahuan dan kedua adalah akal rohani bersamaan dengan *qalb* dalam segi metafizik. (Al-Ghazali, 2005; Seri Hayati, 2010). Untuk itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dikembangkan bukan berdasarkan kepada ilmu yang bersifat abstrak atau falsafah semata-mata tetapi juga ilmu yang bersifat praktis dan dihubungkan dengan situasi semasa. Oleh itu, peranan akal adalah beroperasi dan berkembang ibarat tubuh fizikal yang mempunyai kemampuan untuk mengaitkan pengetahuan secara realiti dengan dilaksanakan oleh anggota fizikal (Al-Ghazali, 2005).

Al-Ghazali menyatakan kerangka utama di dalam disiplin mental adalah pada otak atau akal fikiran yang dianggap sebagai tidak aktif sekiranya tiada latihan yang diberikan. Proses akal yang aktif bermaksud ianya digunakan sepanjang masa dan diberikan latihan yang berterusan. (Al-Ghazali 2005; Mohd Abduh, 2006). Untuk itu, proses akal ini perlu diterjemahkan dengan kefahaman ilmu bersandarkan elemen KBAT menerusi pendekatan memerhati, menganalisis, mendatangkan hujah dan menjadikan iktibar yang di asaskan kepada matlamat mendekatkan diri kepada Allah. Ini adalah di antara kerangka pemikiran Imam Ghazali di dalam meneliti perkaitan di antara keupayaan pengajaran, penguasaan ilmu dan kebersihan rohani yang perlu ada di dalam setiap diri guru dan pelajar di dalam mengintergrasikan pemikiran aras tinggi (KBAT) menerusi PdP.

Kemahiran kaedah pengajaran guru

Asas dalam amalan pengajaran guru yang berkesan berdasarkan tiga elemen utama, iaitu guru, pelajar dan kaedah pengajaran. Keberhasilan kaedah pengajaran guru sangat bergantung kepada tiga elemen utama iaitu i) tahap kesediaan guru dalam pengajaran, ii) tahap kemampuan pelajar dalam menerima pembelajaran dan iii) penggunaan metodologi

yang bersesuaian. Di dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*, Imam Al-Ghazali memang tidak secara langsung menyentuh persoalan yang ketiga iaitu asas kerohanian di dalam kaedah pengajaran (Al-Ghazali, 2005).


Namun demikian, huraian apa yang dinyatakan di dalam asas kerohanian di dalam kaedah adalah berkaitan adab pelajar dan guru. Ini menggambarkan pemikirannya tentang konsep pengajaran pendidikan yang merefleksikan pandangannya bahawa PdP yang berkesan, bukan hanya melibatkan elemen penguasaan kemahiran guru berkaitan pedagogi, pengetahuan kandungan dan pengetahuan tahap kemampuan pelajar tetapi asas kerohanian seperti adab iaitu melibatkan hubungan pelajar dan guru seharusnya diberi penekanan (Hassan, 1981 ; Al-Ghazali 2005).

A asas pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi peringkat sekolah adalah menitikberatkan kepelbagaian kaedah pengajaran terutamanya bagi peringkat sekolah rendah yang menekankan aktiviti secara bermain. Ini kerana melalui aktiviti bermain kanak-kanak berupaya mengembangkan sifat semulajadi di samping menyihatkan fizikal dan menguatkan otot-otot. Imam Ghazali menyatakan bermain boleh mendatangkan kegembiraan dan keseronakan bagi pelajar selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelaksanaan pendekatan belajar melalui bermain hendaklah dijalankan dengan mengambil kira hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan ditentukan. Bahan juga perlu bersesuaian dan mendatangkan berfaedah kepada peringkat perkembangan pelajar (Al-Ghazali 2005; Abd Salam, 2010).

Asas bahan-bahan yang berfaedah adalah berasaskan konsep mendatangkan makna, kukuh, mudah dikendalikan dan bertepatan untuk menggalakkan komunikasi dan imaginasi. Perkara yang paling penting di dalam kaedah permainan itu akan dapat menarik minat dan menggembirakan pelajar melalui pengukuhan penguasaan konsep pembelajaran dari umum kepada yang lebih spesifik serta mampu meningkatkan keupayaan tahap kognitif pelajar (Azizi, 2008 ; Asmawati et al, 2012).

Secara keseluruhannya, daripada penghuraian aktiviti yang melibatkan psikomotor seperti yang ditekankan oleh Imam Ghazali, beliau juga menekankan tentang peranan guru terhadap pembentukan perlakuan pelajar di dalam proses pengajaran melalui penggunaan panduan, pengamatan secara berterusan, memberi ganjaran, mewujudkan PdP yang mengupayakan kognitif dan penampilan personaliti adalah sebagai salah satu di dalam pendekatan pendidikan yang dijalankan. (Khadijah Abd Razak et al, 2011).

Rajah 1 : Model Konseptual Pendidikan menurut Imam Ghazali




(Sumber : al-Ghazali, 2005; KPM, 2014).

Kemahiran Penerapan Nilai dalam Pengajaran

Proses penerapan nilai berdasarkan pandangan Imam Ghazali dapat dikategorikan kepada tiga komponen utama iaitu i)kepercayaan/Iktikad ii) Sifat dan akhlak guru iii) Perlakuan dan tindakan. Ini diterjemahkan berdasarkan Rajah 2.

Rajah 2 : Nilai di dalam Amalan Pengajaran Guru.



(Sumber : al-Ghazali, 2005; Abd Salam, 2010)

Kaedah pendidikan menurut Imam Ghazali berasaskan kecenderungan kepada prinsip sufi (penyucian jiwa) dan pragmatik (nilai guna). Imam Ghazali turut menyatakan guru berperanan sebagai panduan bagi pelajar dan mencorakkan keupayaan pelajar untuk mengamalkan ilmu yang dimiliki bagi kepentingan diri sendiri dan masyarakat. Guru membentuk masa hadapan dan keperibadian pelajar berteraskan elemen kesempurnaan akhlak bagi menambahbaik segala isi kandungan pengajaran yang telah ditetapkan di dalam kurikulum yang disediakan (Al-Ghazali 2005; Khadijah Abd Razak et al, 2011).

Imam Ghazali telah merangka asas nilai melalui pengenalan kepada beberapa prinsip moral dan disiplin iaitu (a) Hubungan yang positif antara guru dan murid. (b)Kebersihan jiwa dan hati pelajar. (c)Kesesuaian ilmu dengan penerimaan nilai pelajar (d) Mempelajari ilmu pengetahuan bersandarkan *taqarub* kepada Allah. (e)keupayaan

memberi pandangan dan cadangan berdasarkan nilai yang baik (f) konsep dosa bagi amalan yang mendatangkan keburukan dan pahala bagi amalan kebaikan (Al-Ghazali, 2005).

Selain itu, proses interaksi dengan dengan rakan sebaya dan orang dewasa mampu meningkatkan penguasaan kemahiran emosi, mengukuhkan dalam cetusan idea, menguasai kemahiran berkolaboratif, menguasai daya reka cipta secara konstruktif dan dapat menyatakan perasaan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan Imam Ghazali adalah menjurus kepada proses pembentukan kognitif dengan disepadukan menerusi nilai kepada pelajar dan ini merupakan penambahbaikan kepada pembentukan kognitif yang dibangunkan daripada ilmuan barat (Al-Ghazali, 2005; Abd Salam 2010).

Secara keseluruhannya, pemikiran Imam Ghazali mengenai pendekatan dalam pendidikan adalah melangkaui dengan teori tradisional yang dipelopori oleh Tyler, Taba, Dewey dan Bloom melalui pernyataan kurikulum adalah berdasarkan kepada prinsip tujuan, kandungan, penyampaian dan penilaian. Namun sebaliknya fokus utama kandungan kurikulum menurut Imam Ghazali adalah berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah serta proses pendidikan yang seharusnya dilakukan secara bersistem dengan tujuan untuk melahirkan perubahan yang positif dalam setiap tingkah laku dan perwatakan pelajar.

Perbincangan

Rumusannya penghasilan konsep pengajaran di dalam kajian ini adalah berteraskan pendekatan pemikiran Imam Ghazali berasaskan pengintergrasian elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Selain itu, konsep ini disesuaikan dengan pemikiran ilmuan-ilmuan Islam lain yang mengkaji, mendalami dan membahaskan secara mendalam pendekatan Imam Ghazali bagi menghasilkan suatu pemikiran pendidikan berdasarkan KBAT dan disepadukan dengan kerangka (KBAT) yang dibina oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum agar ianya mampu di aplikasikan di dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Walaupun elemen KBAT berdasarkan perbincangan Imam Ghazali tidak dinyatakan secara eksplisit di dalam karya-karyanya namun perbincangan mengenai bagaimana konsep ilmu, kaedah pengajaran dan nilai di dalam pengajaran telah dihuraikan secara jelas di dalam kitab-kitab karangannya. Oleh itu, dapatan daripada kajian ini, elemen yang menjadi kerangka teras dalam perbincangan metodologi pengajaran pendidikan Imam Ghazali didapati bertepatan dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berperanan membentuk keupayaan kognitif pelajar dan disepadukan dengan nilai-nilai yang dapat menjana kebaikan.

Hasil daripada analisis yang dijalankan beberapa indikator utama dapat di jadikan penanda aras penting dalam memahami perspektif KBAT menurut Imam Ghazali. Ini dapat diperhatikan menerusi 3 elemen yang diperbahaskan bagi menjadikan PdP sebagai satu medium yang boleh mendatangkan keberkesanan kepada pelajar. Elemen-elemen ini merupakan nilai tambah kepada asas yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan elemen dalaman juga di ambil kira dalam membentuk pelajar

yang berupaya menterjemahkan KBAT di dalam PdP. Proses penambahbaikan ini boleh diperincikan kepada 3 kerangka utama iaitu,

- i) Kefahaman mengenai konsep ilmu
- ii) Penguasaan kemahiran-kemahiran dalam pengajaran
- iii) Nilai pembentukan penghayatan di dalam pelaksanaan KBAT di dalam kelas

Rumusan

Kesepaduan di antara metodologi amalan pengajaran guru yang di dasarkan melalui panduan oleh Imam Ghazali dengan kerangka kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang bersumberkan Al-Quraan dan As-Sunnah dengan disokong kerangka yang dibina oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang berteraskan Bloom dan Anderson telah menjadikan keupayaan pengajaran dapat dipertingkatkan melalui asas nilai berpaksikan hubungan dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia. Hasil daripada kesepaduan tersebut, kesan yang diperlihatkan kepada pelajar yang bukan sahaja mampu memahami tetapi berkemampuan mengaplikasi, menghayati, menyakini, menterjemahkan dan mengembalikan kefahaman menerusi amalan pengajaran guru yang berkesan.

Rujukan

- Anderson, L., Krathwohl, D., Airasian, (2001), *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing : A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*, New York ; Pearson, Allyn & Bacon.
- Abdul Salam Yussof. (2010). *Imam Al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Al-Ghazzali. (2003). *Ihya Ulumuddin*. Diterjemahkan oleh Mohd. Zuhri, Muqoffin Muctar & Muqorrobin Misbah. Semarang : Penerbit Asy Syifa.Pusat.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. Qahirah : Dar al-Bayan al-'Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. (2006). *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*. Beirut : Dar al-Minhaj.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin & Al-Qasimi Ad-Dimasqi. (2011). *Bab 20: Membina Akhlak Anak-Anak*. Mutiara Ihya' Ulumuddin. Hak Milik Muslim.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam : Halatuju dan cabaran*. Serdang . Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Yusof Boon. (2008). *Psikologi pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Azraai Othman dan Othman Talib. (2015). Analisis dokumen silibus kimia organik matrikulasi berdasarkan taksonomi bloom ; *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 3 Isu 3.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2003). *Konstruktivisme*. Kuala Lumpur; Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Deden Himawan. (2007). *Tip-Tip Efektif Pimpinan Rohani Al-Ghazali Buat Remaja*. Selangor: PTS Publications & Distributors.
- Ghazali, M. (2004). *Huquq al-insan bayna ta'alim al-Islam wa-i'lan al-umam al-muttahidah*. Al-Jīzah, Egypt : Nahdat Miṣr li-Ṭiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (2010). *Al-Ghazali, Concept of Causality : With Reference To His Interpretations of Reality and Knowledge*. IIUM Press, International Islamic University Malaysia.
- Hanif Prasetyo. (2012). *Studi Komparatif Pemikiran Pendidikan Akhlak Imam Al- Ghazali Dan Haji Abdul Malik Karim Amrullah Tugas Akhir Tarbiyah*. Walisongo Semarang: Institut Agama Islam.
- Hassan Langgulung. (1981). *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Imam al-Ghazali. (2013). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. di dalam Mutiara Faza Khafidi. *Peranan akal dan qalb dalam pendidikan akhlak (studi pemikiran al-Ghazali)*. Walisongo Semarang: Institut Agama Islam.
- Khadijah Abdul Razak, & Tengku Norhayati Tengku Othman. (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011*. Langkawi, Kedah, (hh. 453-462).
- Mohd Abduh Abu Samah. (2006). Pemikiran akidah al-Imam al-Ghazali dalam kitab Ihya ' Ulum al-Din : analisis terhadap kitab Qawa'id al-Aqa'id" . *Disertasi*. Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam APIUM. Universiti Malaya..
- Rosnani Hashim. (2012), *Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century*. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22(4): 133-147.
- Zakaria Stapa. (2001). *Konsep Akidah dan Pandangan Al-Ghazali Mengenai Proses Pendidikan Akidah dalam Islam, Akidah dan Kerohanian*, Edisi Ketiga. Selangor. UKM.